

# PM: Pak Lah juga punyai matlamat sama

UM - 5 AUG 2003

**K**UALA LUMPUR 4 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikan beliau selepas Oktober ini mempunyai matlamat yang sama dalam memartabatkan orang Melayu.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, Abdullah tentunya mempunyai cara yang tersendiri dan tidak semestinya sama seperti apa yang dilakukan oleh beliau (Dr. Mahathir) sekarang.

“Saya percaya beliau akan mempunyai caranya sendiri, tetapi matlamatnya juga sama,” katanya ketika ditanya mengenai harapan beliau kepada penggantinya.

Beliau berkata demikian dalam temu bual eksklusif dengan *RTM* di kediamannya di Putrajaya hari ini.

Dr. Mahathir akan melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri

pada hujung Oktober ini dan jawatan itu akan diambil alih oleh Abdullah yang merupakan timbalan beliau sekarang.

Ditanya sama ada usaha dan janji beliau untuk memartabatkan orang Melayu dan meningkatkan imej Malaysia berjaya, beliau berkata, ia sedikit sebanyak tertunai.

Sekarang, katanya, Malaysia dikenali di seluruh dunia dan dihormati kerana kejayaan-kejayaan tertentu.

Kata Perdana Menteri, ia termasuk kejayaan dalam pembangunan dan keupayaan rakyat negara ini seperti Abdul Malik Maidin, Datuk Azhar Mansur serta pasukan pendaki gunung Everest yang berjaya meletakkan nama rakyat Malaysia setaraf dengan bangsa lain di dunia.

Perdana Menteri turut membayangkan bahawa menghadiri Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Thai-

land Oktober merupakan tugas terakhirnya sebagai Perdana Menteri.

“APEC selepas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), tetapi sebelum tamat Oktober. Saya bersara pada hujung Oktober jadi saya dapat mengahdirinya,” kata beliau.

Ditanya bagaimana beliau mahu rakyat Malaysia mengingati Dr. Mahathir selepas bersara nanti, beliau berkata:

“Itu terpulang kepada mereka, saya tidak tahu hendak kata apa.”

Mengenai lawatan bersejarah Presiden Rusia, Vladimir Putin, Perdana Menteri berkata, antara perkara yang dijangka akan dibincangkan ialah hubungan dua hala dan masalah-masalah antara-bangsa.

“Ia termasuk penggunaan kekerasan oleh pihak yang menuntut sesuatu dan pihak yang dikatakan menjaga sesuatu,” katanya.